

AKTA SENJATA 1960

(Akta 206)

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

Tajuk Ringkas.

2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LESEN-LESEN DAN PERMIT-PERMIT

Lesen-lesen Senjata dan Permit-permit Senjata

3. Seseorang tiada boleh memiliki, membawa atau menggunakan senjata-senjata tanpa lesen senjata atau permit senjata.
4. Pemberian dan membaharui lesen-lesen senjata dan permit-permit senjata.
5. Sekatan-sekatan atas pemberian lesen-lesen senjata dan permit-permit senjata.
6. Pengecualian daripada keperluan memegang lesen-lesen senjata atau permit-permit senjata.
7. Kehilangan atau kerosakan, atau menghilangkan, dsb. tanda-tanda di atas senjata dan amunisi.
8. Penalty kerana memiliki atau membawa senjata dan amunisi tanpa suatu lesen atau permit, dll.

*Lesen-lesen Peniaga, Lesen-lesen Pembalik, dan
Lesen-lesen Bersama Peniaga dan Pembalik*

9. Lesen-lesen untuk urusan bermiaga dan membaiki senjata dan amunisi.
10. Papan-papan tanda hendaklah dipasang di kedai-kedai peniaga dan pembalik.

*Lesen-lesen untuk Membeli, Memperolehi atau Memindah
Senjata dan Amunisi*

Seksyen

11. Sekatan-sekatan atas penjualan dan pemindahan senjata dan amunisi; dan lesen-lesen untuk membeli, memperolehi atau memindah senjata dan amunisi.

Lesen-lesen untuk Mengilang Senjata dan Amunisi

12. Seseorang tiada boleh mengilang senjata atau amunisi.
13. Papan-papan tanda hendaklah dipasang di tempat mengilang.
14. Penalti bagi pengilangan tanpa lesen dan kerana melanggar syarat-syarat lesen.

*Import dan eksport Senjata dan Amunisi dan
Lesen-lesen untuknya*

15. Lesen untuk import.
16. Menandakan kotak-kotak dan notis-mengimport.
17. Deklarasi tentang senjata dan amunisi.
18. Permit untuk mendaratkan atau memindahkan dengan kapal senjata dan amunisi.
19. Lesen untuk eksport.
20. Pelabuhan-pelabuhan dan tempat-tempat mengimport dan meng-eksport.
21. Menteri boleh melarang pengimportan atau pengeksportan.
22. Penalti mengenai perahanan, kapal terbang atau kenderaan yang digunakan untuk mengimport atau mengeksport yang menyalahi undang-undang.
23. Penalti untuk mengimport atau mengeksport yang menyalahi undang-undang.
24. Melindungi senjata atau amunisi yang telah diimport menyalahi undang-undang.

Am

25. Pemeriksaan stok dalam perdagangan.
26. Penyata-penyata senjata dan amunisi dan pengeluaran senjata dan amunisi, dll. kepada polis.
27. Mendepositkan senjata dan amunisi di balai polis.

Seksyen

28. Lesen-lesen dan permit-permit yang telah hilang, musnah, dsb.
29. Jika pemegang lesen di bawah pembatalan.
30. Penolakan dan pembatalan lesen-lesen dan permit-permit.
31. Kuasa Menteri untuk memerintahkan pembatalan lesen-lesen dan permit-permit.

**BAHAGIAN III
LAIN-LAIN KESALAHAN, PENALTI, DAN PROSIDING**

32. Penalti bagi penggunaan dan milikan senjata dan senjata tiruan dalam kes-kes tertentu.
33. Memiliki senjata dan amunisi untuk maksud yang menyalahi undang-undang.
34. Membawa sepucuk senjatapi semasa mabuk atau keadaan tidak tenteram.
35. Kehilangan senjatapi atau amunisi.
36. Memiliki dan mengimport senjata tiruan.
37. Menyebabkan cedera dengan sepucuk senjata tanpa alasan yang sah.
38. Peruntukan-peruntukan tentang memendekkan senjata dan mengubah bentuk senjata tiruan.
39. Senjata tiada boleh dilepaskan tembak kecuali di padang tembak, dsb.
40. Menjumpai senjata dan amunisi.
41. Subahat dan mencuba.
42. Kesalahan-kesalahan oleh badan-badan orang, pekerja-pekerja dan ejen-ejen.
43. Penalti am.
44. Hadiah kepada pemberi maklumat.
45. Anggapan.
46. Bidangkuasa Mahkamah.

**BAHAGIAN IV
MEMERIKSA, MERAMPAS DAN MENANGKAP**

47. Memeriksa senjata atau amuni di bawah waran.

Seksyen

48. Waran memeriksa terhadap orang-orang.
49. Memasuki dan memeriksa oleh Majistret, dll.
50. Memasuki tempat di mana senjata atau amunisi digunakan.
51. Memeriksa keretapi, perahu, kapal terbang dan kenderaan.
52. Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa untuk senjata, dll, di jalan.
53. Rampasan dan lucut hak.
54. Orang-orang yang mengangkut senjata atau amunisi boleh ditangkap tanpa waran.
55. Tangkapan oleh polis tanpa waran.
56. Orang-orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke balai polis.

BAHAGIAN V

AM

57. Kuasa Ketua Pegawai Polis untuk mewakilkan kuasa.
58. Bayaran-bayaran.
59. Peraturan-peraturan.
60. Kuasa Menteri untuk mengecualikan.
61. Pemansuhan dan kecualian.

JADUAL.

AKTA SENJATA 1960

(Akta 206)

Suatu Akta berhubung dengan senjata, senjata tiruan dan amunisi.

*[Malaysia Barat (termasuk Wilayah Persekutuan)
— 1hb Mac 1962;
Sabah dan Sarawak – 1hb September 1977]*

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk Ringkas.

Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Senjata 1960**.

2. Tafsiran.

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna lain—

“amunisi” ertinya amunisi (termasuk amunisi kosong) untuk mana-mana senjata sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini, dan termasuklah granit, bom dan lain-lain bedilan yang sama, sama ada boleh digunakan dengan senjata atau tidak, dan apa-apa amunisi yang mengandungi, atau direkabentuk atau disesuaikan untuk mengandungi cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda;

“senjata” ertinya apa-apa jenis senjata maut berlaras yang darinya sesuatu letusan, peluru atau lain-lain bedilan boleh dilepaskan, atau yang boleh disesuaikan untuk melepas tembakan mana-mana letusan, peluru atau lain-lain bedilan tersebut, dan apa-apa juga jenis senjata yang direkabentuk atau disesuaikan atau yang boleh disesuaikan untuk melepaskan tembakan apa-apa cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda, dan termasuklah sepucuk senapang angin, pistol angin, senapang automatik dan mana-mana bahagian-bahagian komponen mana-mana senjata tersebut, dan apa-apa barang tambah kepada senjata-senjata itu

yang direkabentuk atau disesuaikan untuk mengecilkan bunyi atau pancaran api yang disebabkan dengan menembak senjata itu;

“lesen senjata” ertinya suatu lesen yang diberi di bawah seksyen 4;

“permit senjata” ertinya suatu permit untuk membawa dan menggunakan senjata dan amunisi yang diberi di bawah seksyen 4;

“Ketua Pegawai Polis” meliputi seorang Ketua Polis Negara yang diberi pengawalan ke atas Polis Diraja Malaysia berhubungan dengan mana-mana kawasan atau Negeri;

“lesen peniaga” ertinya suatu lesen untuk bermula dalam urusan senjata dan amunisi yang diberi di bawah seksyen 9;

“senjata tiruan” ertinya apa-apa yang berupa atau dicadang untuk memberi sangkaan sebagai suatu senjata sama ada atau tidak melepaskan sesuatu letusan, peluru, bedilan, cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda;

“penjara seumur hidup” ertinya penjara selama tempoh hayat orang yang dijatuhkan hukuman itu walau apapun peruntukan seksyen 3 Ordinan Keadilan Jenayah, 1953 dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan dengannya;

“peniaga yang berlesen” ertinya seseorang yang memegang lesen peniaga yang sah;

“pengilang yang berlesen” ertinya seseorang yang memegang suatu lesen yang sah untuk mengilang senjata atau amunisi di bawah seksyen 12;

“pembaik yang berlesen” ertinya seseorang yang diberi lesen hanya untuk membaiki senjata dan amunisi di bawah seksyen 9;

“mengilang”

(a) berhubung dengan senjata termasuklah membuat atau memasang senjata; dan

(b) berhubung dengan amunisi termasuklah membuat atau memasang amunisi dan menaikkan atau menurunkan kes-kes sarung peluru dan lain-lain kes amunisi tetapi tidak termasuk mengilang ubat bedil atau apa-apa pelontaran lain dan letupan yang digunakan untuk mengisi dan mengeluarkan peluru;

“Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis” dan “pegawai polis” hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Polis, 1967;

“pistol” ertinya apa-apa senjata yang mana panjang larasnya diukur dari muncungnya hingga ke alat cas yang meletup apabila dilepaskan tembakan, tidak melebihi sembilan inci.

“pegawai kastam yang sebenarnya” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Kastam, 1967;

“membaiki” berhubung dengan senjata atau amunisi termasuklah hal membuktikan atau menguji senjata atau amunisi;

“lesen pemberian” ertinya suatu lesen untuk membaiiki senjata dan amunisi yang diberi di bawah seksyen 9;

“pegawai kanan polis” ertinya seorang pegawai polis dari apa-apa pangkat dan meliputi Ketua Polis Negara dan ke bawah dan meliputi seorang Penolong Penguasa;

“pegawai atasan polis” ertinya seorang inspektor bagi manama gred selain daripada sub-inspektor;

“pemindahan” termasuklah menyewa, meminjam, memberi atau melepaskan dari milik.

(2) Berhubung dengan suatu kawasan yang ditadbirkan oleh seorang Ketua Pegawai Polis selain daripada Ketua Pegawai Polis Negeri dalam mana kawasan itu terletak, dan rujukan dalam Akta ini kepada Ketua Pegawai Polis sebuah Negeri hendaklah dertiakan sebagai rujukan kepada Ketua Pegawai Polis yang mentadbirkan kawasan itu.

BAHAGIAN II
LESEN-LESEN DAN PERMIT-PERMIT
Lesen-lesen Senjata dan Permit-permit Senjata

3. Seseorang tiada boleh memiliki, membawa atau menggunakan senjata-senjata tanpa lesen senjata atau permit senjata.

(1) Tertakluk kepada Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang tiada boleh memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa senjata atau amunisi kecuali ia memegang suatu lesen senjata yang diberi kepadanya di bawah seksyen 4.

(2) Walau apapun subseksyen (1), seseorang boleh membawa dan menggunakan senjata atau amunisi mengikut syarat-syarat suatu permit yang sah yang diberi kepadanya di bawah seksyen 4;

Dengan syarat bahawa ada berkuatkuasa suatu lesen senjata mengenai senjata dan amunisi itu yang telah diberi kepada seorang lain.

4. Pemberian dan membaharui lesen-lesen senjata dan permit-permit senjata.

(1) Suatu permohonan untuk suatu lesen senjata atau permit senjata hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pegawai Polis Negeri di mana pemohon tinggal, dan hendaklah menyatakan butir-butir tertentu sebagaimana yang diperlukan dalam borang tersebut.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, seorang Ketua Pegawai Polis boleh memberi kepada seorang pemohon suatu lesen senjata atau permit senjata, mengikut mana yang berkenaan, jika ia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai alasan baik untuk memiliki, menjaga atau mengawal, atau membawa dan menggunakan, mengikut mana yang berkenaan, senjata dan amunisi mengenainya permohonan dibuat, dan bahawa orang itu boleh diberi kuasa untuknya tanpa bahaya kepada keselamatan awam atau kepentingan awam.

(3) Suatu lesen senjata atau permit senjata hendaklah dibuat dalam borang tertentu sebagaimana yang ditetapkan, dan hendaklah menetapkan syarat-syarat dan sekatan-sekatan tertakluk kepadanya lesen itu dipegang, jenis dan nombor atau tanda pengenalan lain mengenai senjata itu, dan mengenai amunisi pula, kuantiti yang dibenarkan untuk disimpan pada sesuatu masa dan perkara-perkara lain sebagaimana yang akan ditetapkan.

(4) Suatu lesen senjata atau permit senjata hendaklah, melainkan telah ditarik balik atau dibatalkan dahulu, habis tempoh pada 30 haribulan Jun akan datang berikutnya dengan tarikh pengeluarannya, tetapi boleh dibaharui oleh Ketua Pegawai Polis Negeri di mana pemegang tinggal bagi suatu tempoh satu tahun lagi dari tarikh 30 haribulan Jun tersebut, dan seterusnya, dari semasa ke semasa, dan peruntukan seksyen ini akan dipakai untuk membaharui suatu lesen atau permit senjata sebagaimana peruntukan itu dipakai kepada pemberianya.

(5) Butir-butir tiap-tiap lesen senjata atau permit senjata yang diberi atau dibaharui di bawah seksyen ini hendaklah dicatatkan dalam sebuah daftar yang akan disimpan oleh Ketua Pegawai Polis bagi sebuah Negeri dalam borang dan cara tertentu dan pada suatu tempat tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan.

(6) Jika permohonan dibuat untuk suatu lesen mengenai apa-apa senjata atau amunisi yang tidak bertanda dengan huruf-huruf atau angka-angka atau dengan cara lain yang tertentu bahawa senjata atau amunisi itu mudah dikenali, maka pegawai yang kepadanya permohonan itu dibuat boleh, sebelum menge luarkan lesen, menyebabkan lesen atau amunisi itu, mengikut mana yang berkenaan, diberi tanda dengan suatu tanda yang kekal supaya senjata atau amunisi boleh dikenali kemudian, tetapi dengan suatu cara supaya tidak dirosak atau dicacatkan lesen atau amunisi itu.

5. Sekatan-sekatan atas pemberian lesen-lesen senjata dan permit-permit senjata.

(1) Lesen senjata tidak boleh diberi atau dibaharui untuk—

- (a) apa-apa jenis senapang patah pam datu boleh menembak berkali-kali, melainkan tempat isi peluru senapang itu telah diubah atau disumbat secara tetap yang menyebabkan senapang itu boleh menembak satu peluru sahaja apabila pemetik senjata ditarik atau, dalam kes senapang dua laras, satu peluru bagi tiap-tiap laras;
- (b) sepucuk senjata yang direkabentuk atau disesuaikan bahawa jika pemetiknya ditekan bedilan-bedilan akan terus dilepaskan sehingga pemetiknya tidak ditekan lagi atau tempat isi peluru yang mengandungi bedilan-bedilan itu kosong;
- (c) sepucuk senjata dari apa-apa jenis yang direkabentuk atau disesuaikan untuk melepaskan apa-apa cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda;
- (d) apa-apa granit atau bom atau lain-lain bedilan yang sama;
- (e) apa-apa amunisi yang mengandungi atau direkabentuk atau disesuaikan untuk mengandungi apa-apa cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda.

(2) Lesen senjata atau permit senjata tiada boleh diberi atau dibaharui kepada seseorang di bawah umur lapan belas tahun:

Dengan syarat bahawa Ketua Pegawai Polis Negeri di mana seorang pemohon sekurang-kurangnya berumur enam belas tahun tetapi di bawah umur lapan belas tahun boleh tinggal, jika ia berpuas hati bahawa keadaan luarbiasa akan menyebabkan boleh dibenarkan pemberian atau dibaharui suatu lesen kepada seorang, mengikut budi bicaranya mengenepikan peruntukan-peruntukan subseksyen ini, dan akan merekod alasannya kerana berbuat demikian.

(3) Lesen senjata atau permit senjata tidak boleh diberi di atas nama mana-mana firma, perkongsian, syarikat atau

perbadanan, tetapi tiada apa dalam subseksyen ini boleh mencegah suatu lesen senjata dikeluarkan kepada seorang yang bertanggungjawab yang dipilih oleh atau bagi pihak suatu firma, perkongsian, syarikat atau perbadanan untuk memiliki, menjaga atau mengawal senjata atau amunisi yang dippunyai oleh firma, perkongsian, syarikat atau perbadanan.

(4) Permit senjata tidak boleh diberi atau dibaharui melainkan jika ada suatu lesen senjata yang berkuatkuasa mengenai senjata atau amunisi yang tersebut di dalamnya.

6. Pengecualian daripada keperluan memegang lesen-lesen senjata atau permit-permit senjata.

(1) Seksyen 3 tidak dipakai kepada Yang di-Pertuan Agong atau kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi mana-mana Negeri:

Dengan syarat bahawa suatu penyata hendaklah dibuat kepada seorang Ketua Pegawai Polis dalam bulan Julai tiap-tiap tahun oleh seorang tertentu sebagaimana Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh melantik bagi pihaknya, memberi butir-butir tentang semua senjata dan amunisi yang dimiliki, dijaga atau dikawal oleh Yang di-Pertuan Agong, atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri mengenainya tidak ada lesen senjata yang berkuatkuasa.

(2) Walau apapun peruntukan seksyen 3—

(a) seorang peniaga yang berlesen atau pembaik yang berlesen atau mana-mana pekerjaannya semasa dalam urusan pekerjaannya boleh tanpa memegang suatu lesen senjata atau permit senjata ada dalam miliknya, jagaan atau kawalannya, atau membawa atau menggunakan senjata atau amunisi, dalam urusan biasa perniagaan seperti peniaga atau pembaik itu, dan mengikut syarat-syarat lesen peniaga atau lesen pembaik itu;

(b) seorang pengilang yang berlesen atau mana-mana pekerjaannya yang bertugas dalam urusan pekerjaannya,

- boleh tanpa memegang suatu lesen senjata atau permit senjata ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan-nya, atau membawa atau menggunakan senjata atau amunisi yang dikeluarkan di bawah lesen itu, dalam urusan biasa perniagaan seperti pengilang itu, dan mengikut syarat-syarat lesen pengilang itu;
- (c) seseorang yang menjalankan dengan sah perniagaan seorang pelelong atau pembawa atau seorang pekerja orang tersebut yang bertugas dalam urusan pekerjaannya, boleh tanpa memegang suatu lesen senjata atau permit senjata berada dalam miliknya, jagaan atau kawalan, atau mengangkut atau membawa dalam urusan biasa perniagaan itu senjata dan amunisi dengan syarat bahawa—
- (i) pelelong atau pembawa telah memperolehi kebe-naran bertulis daripada seorang Ketua Pegawai Polis untuk menjual dengan lelong atau untuk mengangkut senjata dan amunisi; dan
 - (ii) pelelong, pembawa atau pekerja mematuhi semua syarat dan mengikut semua sekatan tertakluk kepadanya kebenaran adalah dinyatakan secara bertulis untuk diberikan;
- (d) seorang yang berlesen untuk mengimport atau meng-eksport senjata atau amunisi atau mana-mana pekerja atau ejen orang itu boleh, tanpa memegang suatu lesen senjata atau permit senjata, berada dalam miliknya, jagaan atau kawalan, atau membawa dan mengangkut apa-apa senjata atau amunisi yang dibenarkan untuk diimport atau dieksport di bawah lesen dengan suatu cara sebagaimana yang diperlukan dengan munasabah bagi maksud untuk menguruskan import atau eksport;
- (e) mana-mana anggota pasukan-pasukan bersenjata, mana-mana pegawai polis atau lain-lain orang yang bertugas untuk menjalankan tugas-tugas polis mengikut mana-mana undang-undang bertulis, boleh dalam urusan tugasnya demikian tanpa memegang lesen senjata atau permit senjata, berada dalam miliknya, jagaan atau

kawalan, atau membawa atau menggunakan senjata atau amunisi;

- (f) seorang anggota anak kapal, seorang penumpang dalam mana-mana perahu atau kapal terbang boleh, tanpa memegang suatu lesen senjata atau suatu permit senjata, berada dalam miliknya, jagaan atau kawalan, atau membawa atau menggunakan senjata dan amunisi yang menjadi sebahagian daripada perlengkapan senjata, atau peralatan perahu atau kapal terbang, atau yang berada di dalam atau di atas perahu atau kapal terbang dan diperlukan untuk perkhidmatan-perkhidmatannya;
- (g) seseorang boleh, tanpa memegang suatu lesen senjata atau permit senjata, membawa atau menggunakan—
 - (i) sepucuk senapang kecil yang tidak melebihi 22 kaliber dan amunisi di padang tembak kecil atau ruangan menembak, jika senapang atau amunisi dibekalkan untuk kegunaannya oleh tuan punya atau pengurus padang atau ruangan itu, dan jika padang atau ruangan dijalankan dengan kebenaran bertulis oleh, dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan oleh, Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana padang atau ruangan itu terletak;
 - (ii) senjata dan peluru kosong dipertunjukkan sandiwara atau pertunjukan cubaan atau di suatu perjumpaan olahraga di mana ia mengambil bahagian, jika kebenaran bertulis dari Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana pertunjukan, pertunjukan cubaan atau perjumpaan diadakan, telah diperolehi untuk menggunakan senjata dan amunisi dalam urusan pertunjukan, pertunjukan cubaan atau perjumpaan.

(3) Seseorang tidak boleh disifatkan telah melanggar seksyen 3 hanya kerana fakta bahawa dalam tempoh bulan Julai dalam mana-mana tahun dia ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan atau membawa atau menggunakan apa-apa senjata atau amunisi

mengenainya tidak ada lesen atau permit berkuatkuasa, jika orang itu telah memiliki senjata atau amunisi atau telah dibenarkan membawa atau menggunakan senjata atau amunisi pada 30 haribulan Jun pada tahun yang sama di bawah suatu lesen senjata atau permit senjata.

7. Kehilangan atau kerosakan, atau menghilangkan, dsb. tanda-tanda di atas senjata dan amunisi.

(1) Apabila apa-apa senjata hilang atau rosak atau apa-apa amunisi hilang, orang yang tersebut dalam mana-mana lesen senjata yang mana senjata atau amunisi berkait dan mana-mana orang lain yang ada dalam miliknya senjata dan amunisi sebelum sahaja kehilangan atau kerosakan senjata itu hendaklah, dengan seberapa segera tetapi walau bagaimanapun dalam tempoh empat belas hari selepas dipastikan kehilangan atau kerosakan, membuat suatu laporan mengenainya di balai polis yang hampir sekali dengan tempat di mana orang-orang itu masing-masing tinggal; dan jika gagal membuat laporan demikian dalam tempoh tersebut, tiap-tiap orang tersebut hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan sengaja memadam, mencacat, meminda, melancung atau memalsukan apa-apa tanda yang digunakan untuk pengenalan mana-mana senjata atau amunisi oleh pengilangnya atau dengannya apa-apa senjata atau amunisi boleh dikenali mengikut mana-mana lesen senjata, atau yang telah dilekatkan di bawah seksyen 4(6);
- (b) dengan tipuan menandakan apa-apa senjata atau amunisi dengan apa-apa tanda yang merupakan atau dicadang supaya merupakan apa-apa tanda yang dirujuk dalam perenggan (a); atau
- (c) dengan sengaja merosakkan apa-apa senjata tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pegawai Polis Negeri,

hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

8. Penalti kerana memiliki atau membawa senjata dan amunisi tanpa suatu lesen atau permit, dll.

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini—

- (a) ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan, atau membawa atau menggunakan apa-apa senjata atau amunisi tanpa suatu lesen senjata atau permit senjata atau selain daripada yang dibenarkan oleh lesen atau permit atau, dalam hal amunisi, melebihi kuantiti yang dibenarkan; atau
- (b) gagal mematuhi apa-apa syarat atau mengikut apa-apa sekatan tertakluk kepadanya suatu lesen senjata atau permit senjata dipegang olehnya,

hendaklah, jika disabitkan, dikenakan mengenai apa-apa pelanggaran tersebut, hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

*Lesen-lesen Peniaga, Lesen-lesen Pembaik, dan
Lesen-lesen Bersama Peniaga dan Pembaik*

9. Lesen-lesen untuk urusan berniaga dan membaiki senjata dan amunisi.

(1) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang tiada boleh menjual atau memindahkan, atau menyimpan atau didedahkan untuk dijual atau dipindahkan, mana-mana senjata atau amunisi melainkan orang itu ialah pemegang suatu lesen yang sah untuk urusan berniaga senjata dan amunisi yang telah diberi kepadanya di bawah seksyen ini:

Dengan syarat bahawa—

- (a) pemegang suatu lesen mengenai mana-mana senjata atau mana-mana firma, perkongsian, syarikat atau perbadanan yang memiliki senjata tersebut boleh, tertakluk kepada seksyen 3, menjual atau memindahkan selain daripada dengan cara dagangan atau perniagaan mana-mana senjata tersebut;
- (b) seseorang dengan sah menjalankan perniagaan seorang pelelong boleh menjual dengan lelong atau menyimpan atau dedahkan untuk dijual dengan lelong tanpa memegang suatu lesen peniaga mana-mana senjata atau amunisi mengenainya ada suatu lesen senjata yang berkuatkuasa jika pelelong telah memperolehi kebenaran bertulis dari Ketua Pegawai untuk menjual senjata atau amunisi dengan lelong dan ia mematuhi semua syarat dan mengikut semua sekatan yang tertakluk kepadanya kebenaran bertulis itu akan diberikan; dan
- (c) seorang pengilang yang berlesen boleh menyimpan apa-apa senjata atau amunisi yang dikilang atau digunakan untuk mengilang di bawah lesennya tanpa memegang suatu lesen peniaga.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang tidak boleh membaiki atau menerima untuk dibaiki apa-apa senjata atau amunisi, selain daripada senjata atau amunisi mengenainya ia memegangnya suatu lesen atau permit senjata yang sah, melainkan suatu lesen untuk membaiki senjata dan amunisi telah diberi kepadanya di bawah Akta ini dan masih berkuatkuasa.

(3) Suatu lesen yang diberi di bawah seksyen ini boleh jadi suatu lesen urusan bermiaga senjata dan amunisi sahaja, atau suatu lesen untuk membaiki senjata dan amunisi sahaja, atau suatu lesen bersama kedua-duanya berurusan dengan dan membaiki senjata dan amunisi, dan dalam kes yang terakhir hendaklah disifatkan bagi maksud Akta ini, kedua-duanya ialah suatu lesen peniaga dan suatu lesen pumbaik.

(4) Suatu permohonan untuk suatu lesen di bawah seksyen ini hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada

Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana pemohon bercadang untuk menjalankan perniagaan sebagai peniaga atau pembaik atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah menyatakan butir-butir sebagaimana yang akan ditetapkan:

Dengan syarat bahawa jika pemohon seorang yang memegang atau pada masa yang sama memohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi, maka ia hendaklah membuat permohonan tersebut kepada Menteri.

(5) Seseorang yang sedang menjalankan apa-apa dagangan atau perniagaan yang berurusan dengan atau membaiki senjata dan amunisi, lebih dari suatu tempat perniagaan, hendaklah memohon suatu lesen bagi tiap-tiap satu tempat perniagaan tersebut.

(6) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Ketua Pegawai Polis atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan, boleh memberi kepada pemohon suatu lesen peniaga atau suatu lesen pembaik, atau suatu lesen bersama peniaga dan pembaik, mengikut permohonannya, jika ia berpuas hati bahawa pemohon boleh dibenarkan untuk menjalankan perniagaan sebagai peniaga atau pembaik tersebut, atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan, tanpa bahaya kepada keselamatan awam atau kepentingan awam.

(7) Suatu lesen yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah dibuat dalam salah satu daripada borang-borang yang ditetapkan sebagaimana yang sesuai, dan hendaklah menyatakan alamat tempat perniagaan mengenainya lesen itu diberi dan syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakluk kepadanya lesen itu dipegang.

(8) Tiap-tiap lesen yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah habis tempohnya pada 31 haribulan Disember akan datang berikutan dengan tarikh pengeluarannya tetapi boleh dibaharui oleh Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana pemegang menjalankan perniagaan atau Menteri, mengikut

mana yang berkenaan, untuk tempoh satu tahun lagi dari 31 haribulan Disember tersebut, dan seterusnya, dari semasa ke semasa, dan seksyen ini hendaklah dipakai kepada pembaharuan lesen tersebut sebagaimana ia dipakai kepada pembenaran lesen itu.

(9) Butir-butir tiap-tiap lesen yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah dicatatkan ke dalam suatu daftar yang akan disimpan oleh Ketua Pegawai Polis atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan, dan dalam borang dan cara tertentu dan di suatu tempat sebagaimana yang akan ditetapkan.

(10) Seorang peniaga yang berlesen atau seorang pemberi yang berlesen hendaklah menyimpan buku-buku dan rekod-rekod tertentu dengan cara tertentu dan mengandungi butir-butir tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan, dan hendaklah apabila diminta, mengemukakannya untuk diperiksa oleh manama pegawai polis yang berpangkat Sarjan ke atas di suatu tempat atau masa sebagaimana diperlukan dengan munasabah oleh pegawai polis.

(11) Seorang peniaga berlesen atau seorang pemberi berlesen hendaklah membuat penyata-penyata tertentu, mengandungi butir-butir tertentu dan dibuat pada tarikh-tarikh tertentu dan dengan cara tertentu kepada Ketua Pegawai polis bagi Negeri di mana tempat perniagaannya terletak, sebagaimana yang akan ditetapkan:

Dengan syarat bahawa jika lesen untuk berurusan dengan atau lesen untuk membaiki diberi oleh Menteri, penyata-penyata tersebut hendaklah dibuat kepada Menteri.

(12) Seorang peniaga berlesen atau seorang pemberi berlesen yang—

- (a) menjalankan perniagaan tentang senjata atau amunisi;
- (b) menjual atau memindahkan dengan cara dagangan atau perniagaan mana-mana senjata atau amunisi;

- (c) menyimpan atau didedahkan untuk dijual atau dipindahkan mana-mana senjata atau amunisi; atau
- (d) membaiki atau ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan untuk membaiki mana-mana senjata atau amunisi;

di mana-mana tempat selain daripada suatu tempat mengenainya ia memegang suatu lesen di bawah seksyen ini hendaklah, jika disabitkan, bagi tiap-tiap kesalahan tersebut, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

(13) Mana-mana peniaga berlesen atau pemberi lesen yang gagal mematuhi mana-mana syarat atau untuk mengikut mana-mana sekatan yang tertakluk kepadanya lesen peniaga atau lesen pemberi lesen dipegang olehnya hendaklah, jika disabitkan, dikenakan bagi tiap-tiap kesalahan tersebut, hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

(14) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

10. Papan-papan tanda hendaklah dipasang di kedai-kedai peniaga dan pemberi lesen.

(1) Tiap-tiap peniaga yang berlesen dan pemberi lesen yang berlesen hendaklah memasang dan memelihara di suatu tempat yang mudah dilihat di luar pintu kedainya atau tempat perniagaannya suatu papan tanda yang mengandungi perkataan-perkataan “Berlesen untuk Berurus dengan dan Membentuk Senjata dan Amunisi” atau “Berlesen untuk Berurus dengan Senjata dan Amunisi” atau “Berlesen untuk Membentuk Senjata dan Amunisi”, mengikut mana yang berkenaan, dicetak dengan jelas dengan huruf-huruf tidak kurang dari dua inci tingginya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

*Lesen-lesen untuk Membeli, Memperolehi
atau Memindah Senjata dan Amunisi*

- 11. Sekatan-sekatan atas penjualan dan pemindahan senjata dan amunisi; dan lesen-lesen untuk membeli, memperolehi atau memindah senjata dan amunisi.**
- (1) Seseorang tiada boleh menjual atau memindah mana-mana senjata atau amunisi kecuali kepada—
- (a) seseorang peniaga yang berlesen atau seorang pemberi yang berlesen;
 - (b) seseorang yang menunjukkan bahawa ia adalah berhak untuk mendapatkan senjata atau amunisi untuk miliknya menurut Akta ini atau apa-apa lesen atau permit di bawahnya, dengan syarat bahawa dalam kes seorang yang berhak menurut suatu lesen atau permit, ia menunjukkan lesen atau permit kepada orang yang menjual atau memindahkan senjata dan amunisi; atau
 - (c) seseorang pegawai polis dan yang ia kenal atau percaya sebagai seorang pegawai polis atau lain-lain pegawai awam yang menjalankan tugas untuk menerima penyerahan senjata atau amunisi.
- (2) Seseorang tiada boleh secara sedar menerima penyerahan mana-mana senjata atau amunisi melainkan ia adalah pemegang suatu lesen yang sah yang diberi kepadanya di bawah seksyen ini membenarkan ia untuk membeli atau memperolehi senjata atau amunisi atau melainkan ia sebaliknya berhak di bawah Akta ini menurut mana-mana lesen atau permit yang telah diberi kepadanya di bawah Akta ini untuk memiliki, jagaan atau kawalan senjata atau amunisi.
- (3) Mana-mana orang yang menerima penyerahan atas pembelian atau pemindahan mana-mana senjata atau amunisi di bawah kuasa mana-mana lesen yang diberi kepadanya di bawah seksyen ini hendaklah—
- (a) mencatatkan di atas lesen tersebut tarikh penyerahan dan butir-butir tertentu mengenai senjata dan amunisi yang telah dibeli atau dipindahkan tersebut dan lain-

lain butir tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan;
dan

(b) mengembalikan lesen yang dicatatkan demikian dalam tempoh satu bulan pembelian atau pemindahan dibuat kepada pegawai yang olehnya lesen itu telah diberi.

(4) Suatu lesen untuk membeli atau memperolehi atau memindah senjata dan amunisi hendaklah dibuat dalam borang tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan dan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana pemohon tinggal, dan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan di dalamnya:

Dengan syarat bahawa pemohon ialah orang yang memegang atau pada masa yang sama memohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi, dan lesen tersebut hendaklah dikeluarkan oleh Menteri.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

Lesen-lesen untuk Mengilang Senjata dan Amunisi

12. Seseorang tiada boleh mengilang senjata atau amunisi.

(1) Seseorang tiada boleh mengilang apa-apa senjata atau amunisi melainkan ia ialah pemegang suatu lesen yang sah untuk mengilang senjata atau amunisi yang telah diberi kepada oleh Menteri di bawah seksyen ini.

(2) Menteri boleh, jika ia fikirkan patut bagi kepentingan nasional untuk berbuat demikian, memberi kepada mana-mana pemohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi dan lesen tersebut hendaklah tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dan kepada semua syarat dan sekatan yang dikenakan dalam lesen tersebut yang boleh termasuk—

- (a) jenis dan kuantiti senjata atau amunisi yang pemegang lesen dibenarkan untuk mengilang;
- (b) langkah-langkah keselamatan hendaklah diambil jaminan oleh pemegang lesen di tempat mengilang atau mana-mana tempat lain;
- (c) adalah diperlukan bahawa pemegang lesen, jika sebuah syarikat, firma, pertubuhan atau badan-badan lain orang-orang, membenarkan seorang pegawai Kerajaan yang dipilih oleh Menteri supaya hadir di mana-mana mesyuarat badan pengurusannya; dan
- (d) mana-mana syarat lain yang Menteri boleh fikirkan patut untuk mengenakan.

(3) Suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan sah dipergunakan bagi tempoh sebagaimana Menteri akan tentukan, tetapi boleh pada bila-bila masa diubah, digantung atau dibatalkan oleh Menteri.

(4) Seorang pengilang yang berlesen hendaklah menyimpan buku-buku dan rekod-rekod tertentu dengan cara tertentu dan mengandungi butir-butir tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan, dan hendaklah apabila diminta, menyerahkannya untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat Sarjan atau lebih di tempat atau pada masa tertentu sebagaimana pegawai polis tersebut memerlukan dengan munasabah.

(5) Seseorang pengilang yang berlesen hendaklah menyerahkan kepada Menteri penyata-penyata tertentu yang mengandungi butir-butir tertentu dan dibuat pada tarikh tertentu dengan suatu cara sebagaimana yang akan ditetapkan.

(6) Walau apa pun dalam Akta ini, jika Menteri memberi kepada pemohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi di bawah seksyen ini, ia boleh ubah syarat-syarat yang dikenakan kepada mana-mana lesen lain yang telah diberi kepada pemohon di bawah Akta ini.

(7) Seksyen ini hendaklah juga dipakai kepada suatu permohonan untuk membaharui suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi sebagaimana ianya dipakai kepada pemberian lesen.

13. Papan-papan tanda hendaklah dipasang di tempat mengilang.

(1) Tiap-tiap pengilang yang berlesen hendaklah memasang dan memelihara di suatu tempat yang mudah dilihat di luar tempat mengilang suatu papan tanda dengan perkataan-perkataan “Berlesen untuk Mengilang Senjata dan Amunisi” atau “Berlesen untuk Mengilang Senjata” atau “Berlesen untuk Mengilang Amunisi”, mengikut mana yang berkenaan, dicetak dengan terang dengan perkataan-perkataan yang berukuran tidak kurang dari dua inci tinggi.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

14. Penalti bagi pengilangan tanpa lesen dan kerana melanggar syarat-syarat lesen.

- (1) Mana-mana orang yang mengilang senjata atau amunisi—
(a) tanpa lesen yang sah di bawah seksyen 12; atau
(b) melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen 12(2)(a).

hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman—

- (i) mati; atau
(ii) penjara seumur hidup dan sebat tidak kurang dari enam kali.

dan, dalam kes sebuah syarikat, firma, pertubuhan atau badan orang-orang, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Mana-mana pengilang yang berlesen yang gagal mematuhi mana-mana syarat atau mengikut mana-mana sekatan

yang dikenakan oleh lesen selain dari syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 12(2)(a), hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit, dan, dalam kes suatu syarikat, firma, pertubuhan atau badan orang-orang, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

*Import dan eksport Senjata dan Amunisi dan
Lesen-lesen untuknya*

15. Lesen untuk import.

(1) Seseorang tiada boleh mengimport apa-apa senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata ke dalam Malaysia, sama ada dengan cara laut, darat atau udara, melainkan ia memegang suatu lesen untuk import.

(2) Lesen tersebut boleh diperolehi dengan permohonan kepada Ketua Pegawai Polis mana-mana Negeri, dan hendaklah dibuat dalam borang tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan:

Dengan syarat bahawa jika pemohon ialah orang yang memegang atau pada masa yang sama memohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi, permohonan tersebut hendaklah dibuat kepada Menteri.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen tersebut hendaklah mencatatkan di atasnya butir-butir tentang jenis semua senjata dan amunisi dan bahagian-bahagian senjata yang diimport di bawahnya, dan mengembalikan lesen itu kepada Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana pemegang itu tinggal dalam tempoh tiga hari dari tempoh syarat yang dibenarkan kepadanya.

(4) Seseorang pengembara yang jujur yang tiba di Malaysia boleh, dengan memohon di tempat ketibaan kepada mana-mana pegawai polis yang dilantik secara bertulis bagi pihaknya oleh Ketua Pegawai Polis Negeri, memperolehi daripada pegawai polis itu suatu lesen sementara untuk mengimport masuk ke dalam Malaysia dan untuk memiliki dan membawa senjata dan amunisinya sendiri. Lesen itu hendaklah dalam bentuk tertentu

sebagaimana yang akan ditetapkan, dan akan berkuatkuasa bagi tempoh satu bulan dari tarikh pengeluaran, dan senjata atau amunisi yang telah diimport di bawahnya, tidak boleh dieksport semula tanpa suatu lesen eksport atau suatu penge-sahaman untuk membolehkan dieksport semula di atas lesen import sementara itu.

(5) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan di bawah sub-seksyen (4) kepada pengurus atau lain-lain ahli bertanggung-jawab bagi suatu pertunjukan atau syarikat sarkas mengenai senjata dan amunisi untuk digunakan dalam pertunjukan syarikat itu, tetapi senjata dan amunisi dan lesen sementara itu mestilah diserahkan oleh pemegangnya kepada Pegawai Penjaga tiap-tiap Daerah Polis di mana syarikat itu memberi pertunjukan dan lesen itu hendaklah disahkan olehnya.

16. Menandakan kotak-kotak dan notis-mengimport.

Apabila senjata atau amunisi diimport masuk ke Malaysia bagi maksud dagangan atau keuntungan—

- (a) kes atau bungkusan, jika ada, mengandungi senjata atau amunisi hendaklah ditanda dengan terang dan boleh dibaca perkataan-perkataan “Senjatapi” atau “Ammunisi”, atau hendaklah ditanda dengan cara lain yang tertentu sebagaimana Menteri dengan perintah boleh menetapkan; dan
- (b) notis tentang pengimportan yang dicadangkan dan nama mana-mana perahu dan tarikh dan waktu yang dianggarkan tiba perahu atau mana-mana kapal terbang, keretapi atau kenderaan yang dengannya pengimportan akan dijalankan hendaklah, jika tahu, diberi kepada pegawai wajar kastam di pelabuhan atau tempat pengimportan sebelum ketibaan perahu dsb. di pelabuhan atau tempat tersebut.

17. Deklarasi tentang senjata dan amunisi.

Tiap-tiap orang yang memasuki Malaysia yang ada dalam miliknya atau di antara bagasinya apa-apa senjata atau amunisi,

dan tiap-tiap penerima yang menerima apa-apa senjata atau amunisi yang diimport masuk ke dalam Malaysia, hendaklah membuat suatu akuan mengenainya pada waktu dan tempat tertentu, dengan cara tertentu, dan dengan butir-butir tertentu, sebagaimana yang akan ditetapkan, dan hendaklah pada masa yang sama mengeluarkan lesen yang telah diluarkan di bawah seksyen 15 untuk pengimportan senjata atau amunisi.

18. Permit untuk mendaratkan atau memindahkan dengan kapal senjata dan amunisi.

(1) Ketua Pegawai Polis bagi mana-mana Negeri boleh, apabila diminta oleh tuan punya, ejen, nakhoda atau kapten mana-mana perahu atau kapal terbang yang tiba atau hampir tiba di mana-mana pelabuhan atau tempat dalam Negeri, memberi suatu permit kepada tuan punya, ejen, nakhoda atau kapten membenarkannya mendapat apa-apa senjata atau amunisi yang dikirimkan di atas perahu atau kapal terbang ke pelabuhan atau tempat atau untuk dipindahkan dengan kapal di pelabuhan atau tempat.

(2) Ketua Pegawai Polis bagi mana-mana Negeri boleh, apabila diminta oleh tuan punya, ejen, nakhoda atau kapten mana-mana perahu atau kapal terbang yang tiba atau hampir tiba di mana-mana pelabuhan atau tempat dalam Negeri dan ada muatan di atasnya apa-apa senjata atau amunisi untuk dipindahkan dengan kapal di pelabuhan atau tempat, memberi kepada tuanpunya, ejen, nakhoda atau kapten suatu permit untuk dipindahkan dengan kapal senjata atau amunisi itu.

(3) Tuan punya ejen, nakhoda atau kapten perahu atau kapal terbang, apabila diberi suatu permit di bawah subseksyen (1) atau (2), terhenti dikenakan apa-apa dakwaan untuk mengimport senjata atau amunisi tanpa suatu lesen; tetapi pemberian permit tersebut tidak akan memberi kepada mana-mana orang lain bebas dari apa-apa dakwaan kerana mengimport senjata atau amunisi tanpa suatu lesen.

19. Lesen untuk eksport.

(1) Seseorang tidak boleh mengeksport apa-apa senjata atau amunisi dari Malaysia sama ada melalui laut, darat atau udara melainkan orang itu memegang suatu lesen untuknya.

(2) Suatu lesen tersebut boleh diperolehi dengan permohonan kepada Ketua Pegawai Polis mana-mana Negeri, dan hendaklah dibuat dalam borang tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan:

Dengan syarat bahawa jika pemohon seorang pemegang lesen atau pada masa yang sama memohon suatu lesen untuk mengilang senjata atau amunisi, permohonan tersebut hendaklah dibuat kepada Menteri.

20. Pelabuhan-pelabuhan dan tempat-tempat mengimport dan mengeksport.

Menteri boleh, dari semasa ke semasa, dengan pemberitahuan dalam *Warta*, mengisyiharkan bahawa senjata atau amunisi atau kelas-kelas tertentu senjata atau amunisi tidak boleh diimport masuk atau dieksport keluar dari Malaysia kecuali di pelabuhan-pelabuhan atau tempat-tempat yang ditentukan dalam pemberitahuan, dan senjata atau tempat-tempat yang ditentukan dalam pemberitahuan, dan senjata atau amunisi tidak boleh diimport masuk atau dieksport keluar dari Malaysia jika berlawanan dengan syarat-syarat pemberitahuan.

21. Menteri boleh melarang pengimportan atau pengeksportan.

(1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, dengan pemberitahuan dalam *Warta*, melarang pada suatu tempoh yang akan ditentukan dalam pemberitahuan sama ada pengimportan atau pengeksportan mana-mana senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata tanpa suatu permit khas yang ditandatangani oleh Menteri.

(2) Mana-mana larangan pengeksportan tersebut boleh dengan cara mutlak atau boleh berkait dengan tempat atau

tempat-tempat tertentu sebagaimana yang akan ditentukan dalam pemberitahuan; dan mana-mana orang yang mengambil atau menghantar apa-apa barang ke luar Malaysia melalui laut, darat atau udara dengan tujuan bahawa barang itu akan akhirnya tiba di suatu tempat tertentu sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah, bagi maksud seksyen ini, disifatkan sebagai mengeksport senjata atau amunisi ke tempat itu.

(3) Mana-mana orang yang mengimport atau mengeksport apa-apa senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata dengan melanggar apa-apa pemberitahuan yang diterbitkan di bawah seksyen ini atau kemungkinan sekatan-sekatan dan syarat-syarat tertakluk kepada atau di atasnya mana-mana permit khas dikeluarkan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

22. Penalti mengenai perahu, kapal terbang atau kenderaan yang digunakan untuk mengimport atau mengeksport yang menyalahi undang-undang.

(1) Jika mana-mana perahu, kapal terbang atau kenderaan digunakan—

(a) untuk mengimport atau mengeksport mana-mana senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata yang melanggar suatu pemberitahuan di bawah seksyen 21; atau

(b) untuk menerima atau menyimpan mana-mana senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata yang melanggar suatu pemberitahuan di bawah seksyen 21; maka—

(A) tuan punya, nakhoda atau kapten pengangkutan itu hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya, melainkan adalah dibuktikan bagi kepuasan mahkamah bahawa tuan

punya, nakhoda atau kapten tersebut telah tidak terlibat dalam menempatkan senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata di atas perahu, kapal terbang atau kenderaan, dan bahawa kesalahan yang dipersoalkan telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau keizinannya; dan

(B) perahu, kapal terbang atau kenderaan boleh ditahan oleh perintah mahkamah sehingga jaminan diberi dengan suatu jumlah sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah, tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(2) Jumpaan mana-mana senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata yang menjadi perkara larangan di bawah seksyen 21 di atas mana-mana perahu, kapal terbang atau kenderaan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa perahu, kapal terbang atau kenderaan itu telah digunakan untuk mengimport dan mengeksport senjata dan amunisi atau bahagian-bahagian senjata yang berlawanan dengan Akta ini, atau untuk menerima atau menyimpan senjata atau amunisi atau bahagian-bahagian senjata yang telah diimport berlawanan dengan Akta ini.

(3) Bagi maksud seksyen ini ungkapan “nakhoda” termasuklah tiap-tiap orang, kecuali seorang pilot, yang mempunyai perintah atau jagaan sebuah perahu.

23. Penalti untuk mengimport atau mengeksport yang menyalahi undang-undang.

(1) Mana-mana orang yang melanggar seksyen 15(1) atau seksyen 19(1) hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen 15(3), seksyen 16, seksyen 17 atau seksyen 20 hendaklah, jika disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit.

24. Melindungi senjata atau amunisi yang telah diimport menyalahi undang-undang.

Sesiapa dengan sengaja melindungi apa-apa senjata atau amunisi yang telah diimport tanpa suatu lesen hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

Am

25. Pemeriksaan stok dalam perdagangan.

(1) Tiap-tiap peniaga yang berlesen, pembaik yang berlesen dan pengilang yang berlesen hendaklah apabila diminta oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat Sarjan atau lebih, mengemukakan stok dalam perdagangannya, yang disifatkan termasuk senjata dalam miliknya untuk dibaiki, untuk pemeriksaan oleh pegawai tersebut.

(2) Sesiapa dengan sengaja melindungi stok dalam perdagangan mana-mana orang tersebut dari seorang pegawai polis yang berpangkat Sarjan atau lebih atau dengan ingkar enggan menunjukkan di mana stok dalam perdagangan itu disimpan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

26. Penyata-penyata senjata dan amunisi dan pengeluaran senjata dan amunisi, dll. kepada polis.

(1) Ketua Pegawai Polis bagi mana-mana Negeri boleh, dari semasa ke semasa, mengikut budi bicaranya dengan perintah yang diterbitkan dalam *Warta*, memerlukan tiap-tiap orang dalam Negeri yang diberi kuasa di bawah mana-mana lesen, permit atau lain-lain kuasa bertulis yang telah dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa dalam Negeri, untuk membawa, memiliki atau ada dalam jagaan atau di bawah kawalannya apa-apa senjata atau amunisi atau apa-apa senjata amunisi dari apa-apa kelas atau jenis tertentu sebagaimana yang akan ditentukan dalam

perintah itu, mengemukakan kepada Ketua Pegawai Polis dalam suatu tempoh yang akan ditentukan dalam perintah tersebut, suatu penyata di bawah tandatangannya, menyatakan butir-butir tertentu sebagaimana yang akan ditentukan dalam perintah tersebut tentang semua senjata dan amunisi, atau tentang semua senjata dan amunisi dari kelas atau jenis tertentu, yang ada dalam miliknya atau dalam jagaannya atau di bawah kawalannya.

(2) Mana-mana pegawai kanan polis atau mana-mana Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis boleh, dengan alasan-alasan yang akan direkodkan dahulu olehnya, memberi kuasa dengan nama dan secara bertulis mana-mana pegawai polis yang tidak kurang pangkatnya dari kopral, memerlukan mana-mana orang, atau orang-orang yang tinggal dalam mana-mana kawasan di bawah bidang kuasanya, menunjukkan lesennya atau lesen mereka atau lesen-lesen yang telah diberi di bawah Akta ini, dan menunjuk atau menerangkan tentang senjata dan amunisi yang diperihalkan di dalamnya.

(3) Mana-mana kuasa yang seorang pegawai kanan polis atau seorang Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis yang dibenarkan untuk dijalankan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari kopral, boleh dijalankan sendiri oleh seorang pegawai kanan polis atau oleh seorang Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis.

(4) Apa-apa senjata atau yang ditunjukkan kepada atau dijumpai oleh seorang pegawai polis dalam mana-mana Negeri di bawah seksyen ini, boleh, jika Ketua Pegawai Polis, atas alasan-alasan keselamatan awam yang akan direkodnya dengan sempurna, memberi arahan, ditahan oleh polis bagi mana-mana tempoh tidak melebihi satu bulan.

(5) Mana-mana orang yang—

- (a) gagal untuk mengemukakan apa-apa penyata yang diperlukan oleh mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dalam tempoh yang ditentukan,
- (b) mengemukakan apa-apa penyata yang diperlukan oleh mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen

- (1) yang mengandungi kenyataan palsu atau ketinggalan; atau
- (c) gagal untuk menerangkan dengan sempurna kepada seorang pegawai yang diberi kuasa oleh atau di bawah subseksyen (2) tentang apa-apa senjata atau amunisi yang diperihalkan dalam mana-mana lesen yang telah dikeluarkan kepadanya selama tempoh lesen itu berkuatkuasa, atau selepas habis tempoh, penggantungan atau pembatalan lesen itu,

hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit, atau kedua-duanya sekali.

27. Mendepositkan senjata dan amunisi di balai polis.

(1) Mana-mana orang yang memiliki apa-apa senjata atau amunisi yang menjadi tak sah berikutan dengan habis tempoh, penggantungan atau pembatalan suatu lesen atau permit hendaklah, tanpa berlengah lagi, mendepositkan senjata atau amunisi di balai polis yang berhampiran sekali.

(2) Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, jika tuan punya mana-mana senjata atau amunisi yang telah didepositkan di mana-mana balai polis yang tidak, dalam tempoh enam bulan dari tarikh deposit menunjukkan suatu lesen yang memberi ia kuasa untuk menyimpannya dan memohon untuk penyerahannya, senjata atau amunisi itu hendaklah dirampas.

(3) Tiap-tiap orang yang berlesen untuk memiliki senjata atau amunisi di bawah Akta ini hendaklah, apabila meninggalkan Malaysia bagi mana-mana tempoh melebihi tiga bulan, melainkan ia mengeksportkan senjata atau amunisi itu apabila meninggalkan Malaysia—

- (a) mendepositkan senjata atau amunisi itu dengan mana-mana orang yang memegang suatu permit yang sah mengenainya;

- (b) memindahkan senjata atau amunisi itu kepada orang lain yang diberi kuasa di bawah seksyen 11 untuk mengambilnya; atau
- (c) mendepositkan senjata atau amunisi itu supaya selamat disimpan di balai polis.

28. Lesen-lesen dan permit-permit yang telah hilang, musnah, dsb.

Jika mana-mana lesen atau permit yang telah diberi di bawah Akta ini musnah, cacat, rosak atau hilang, orang yang disebutkan nama di dalamnya, dengan permohonannya kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen-lesen atau permit-permit dan apabila pegawai itu berpuas hati bahawa permohonan adalah dibuat dengan niat baik, memperolehi daripadanya, setelah membuat pembayaran yang ditetapkan, suatu lesen atau permit baru sebagai ganti kepada yang musnah, cacat, rosak atau hilang.

29. Jika pemegang lesen di bawah pembatalan.

(1) Jika seorang yang berlesen untuk berurusan dengan atau untuk membaiki senjata atau amunisi atau untuk mengimport atau mengeksport senjata atau amunisi atau untuk mengilang senjata atau amunisi mati atau tidak boleh membayar hutang atau bankrap atau tidak sempurna akal atau sebaliknya tertakluk kepada apa-apa kecacatan, maka orang yang menjalankan perniagaan pemegang lesen itu tidak boleh dikenakan apa-apa penalti atau rampasan kerana menjalankan tugas di bawah lesen dalam tempoh masa yang munasabah sebagaimana yang diperlukan untuk membenarnya membuat permohonan suatu lesen baru.

(2) Orang tersebut hendaklah disifatkan sebagai pemegang lesen tersebut bagi semua maksud di bawah Akta ini, dan mempunyai tanggungjawab yang sama seolah-olah ia adalah pemegang asal lesen itu, sehingga suatu lesen baru diberi atau ditolak.

30. Penolakan dan pembatalan lesen-lesen dan permit-permit.

(1) Seorang Ketua Pegawai Polis boleh, atau mana-mana pegawai yang mempunyai kuasa untuk memberi atau mengeluarkan apa-apa lesen atau permit di bawah Akta ini menurut apa-apa perwakilan kuasa kepadanya di bawah seksyen 57 boleh dengan kebenaran Ketua Pegawai Polis yang mempunyai bidang kuasa ke atasnya—

- (a) menolak apa-apa permohonan untuk pemberian suatu lesen atau permit tanpa memberi apa-apa sebab kepadanya;
- (b) menolak apa-apa permohonan untuk membaharui, atau membatal atau menggantung, apa-apa lesen atau permit yang diberi di bawah Akta ini atas alasan-alasan keselamatan awam atau alasan-alasan lain yang direkodnya dengan sempurna.

(2) Jika mana-mana lesen atau permit dibatalkan atau digantungkan, orang yang memilikinya hendaklah tanpa berlengah lagi menyerahkan lesen atau permit itu ke balai polis yang hampir sekali.

(3) Tiap-tiap lesen atau permit akan dipegang tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan-sekatan tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan dan sebagaimana pegawai yang memberi lesen atau permit mengenakan dan mengesahkan di atasnya.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati terhadap mana-mana tolakan untuk memberi atau membaharui suatu lesen atau permit, atau dengan apa-apa syarat yang dikenakan ke atasnya oleh pegawai yang memberi lesen atau permit, atau oleh mana-mana pembatalan atau penggantungan lesen atau permit, boleh dalam tempoh satu bulan dari tarikh penolakan, pengenaan, pembatalan atau penggantungan, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya adalah terakhir dan muktamad.

31. Kuasa Menteri untuk memerintahkan pembatalan lesen-lesen dan permit-permit.

Menteri boleh memberi perintah pembatalan mana-mana lesen senjata atau permit senjata tanpa memberi apa-apa alasan kepadanya.

BAHAGIAN III
LAIN-LAIN KESALAHAN, PENALTI, DAN PROSIDING

32. Penalti bagi penggunaan dan milikan senjata dan senjata tiruan dalam kes-kes tertentu.

(1) (a) Jika mana-mana orang membuat atau cuba membuat apa-apa jua penggunaan suatu senjata atau senjata tiruan dengan tujuan untuk membantah atau menghalang penangkapan atau tahanan yang sah mengenai dirinya atau mana-mana orang lain, maka ia hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau selama tempoh tidak melebihi empat belas tahun.

(b) Jika mana-mana orang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini mengenai tangkapan atau tahanan yang sah bagi dirinya bagi mana-mana kesalahan lain yang telah dilakukannya, maka ia hendaklah dikenakan penalti yang dipерuntukkan di bawah subseksyen ini sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang ia boleh dikenakan untuk kesalahan yang lain itu.

(2) Jika mana-mana orang, semasa melakukan kesalahan, atau semasa ia ditangkap, mana-mana kesalahan yang ditentukan dalam Jadual Pertama, ada dalam miliknya apa-apa senjata atau senjata tiruan, maka ia hendaklah, melainkan ia menunjukkan bahawa ia memiliki untuk tujuan yang sah, dikenakan, jika disabitkan, hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang ia boleh dihukum untuk kesalahan yang ditentukan dalam Jadual tersebut.

(3) Jika ada perbicaraan mana-mana orang untuk suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) mahkamah tidak puas hati bahawa orang itu didapati bersalah kerana kesalahan itu, tetapi berpuas hati bahawa orang itu didapati bersalah kerana suatu kesalahan di bawah subseksyen (2), mahkamah boleh mendapati ia bersalah kerana kesalahan di bawah subseksyen (2) tersebut, dan dengan itu orang itu akan dikenakan hukuman selanjutnya.

33. Memiliki senjata dan amunisi untuk maksud yang menyalahi undang-undang.

Mana-mana orang yang ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan atau membawa apa-apa senjata atau amunisi dalam hal keadaan yang menimbulkan suatu anggapan yang munasabah bahawa ia telah menggunakan atau bercadang atau hendak menggunakan senjata atau amunisi untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang atau bahawa senjata atau amunisi itu mungkin digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya, dan hendaklah juga dikenakan sebat.

34. Membawa sepucuk senjatapi semasa mabuk atau keadaan tidak tenteram.

Mana-mana orang yang mabuk, atau berkelakuan dalam keadaan yang tidak tenteram, semasa membawa suatu senjata hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

35. Kehilangan senjatapi atau amunisi.

Mana-mana orang yang diberi kuasa sah untuk memiliki atau berada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apa-apa senjata atau amunisi hendaklah, jika senjata atau mana-mana

bahagiannya hilang atau dicuri, hendaklah dikenakan, jika disabitkan, melainkan ia boleh membuktikan bahawa ia telah mengambil semua tindakan berjaga-jaga yang munasabah terhadap kehilangan atau kecurian, hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

36. Memiliki dan mengimport senjata tiruan.

(1) Mana-mana orang yang mengimport dan ada dalam miliknya atau jagaan suatu senjata tiruan hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali:

Dengan syarat bahawa tidaklah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen ini—

- (a) bagi seorang di bawah umur empat belas tahun untuk memiliki suatu senjata tiruan; atau
- (b) bagi mana-mana orang untuk mengimport atau memiliki suatu senjata tiruan di bawah dan mengikut suatu lesen, dalam borang tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan, dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana orang itu tinggal atau dalam kes seorang yang mengimport senjata dalam urusan biasa perniagaan, dalam mana ia menjalankan perniagaan.

(2) Adalah sah bagi seorang Majistret di atas permintaan bertulis seorang Ketua Pegawai Polis memerintahkan supaya apa-apa senjata tiruan dimusnahkan oleh polis, sama ada mana-mana orang telah disabitkan atau boleh disabitkan di atas mana-mana kesalahan terhadap seksyen ini atau tidak; dan pampasan tidak akan dibayar mengenai apa-apa pemusnahan di bawah subseksyen ini.

(3) Pendakwaan di bawah seksyen ini tidak boleh dimulakan tanpa izin Pendakwa Raya.

37. Menyebabkan cedera dengan sepucuk senjata tanpa alasan yang sah.

Mana-mana orang yang melepaskan tembakan sepucuk senjata dan mencederakan mana-mana orang kerana itu, sama ada parah atau tidak, hendaklah melainkan mahkamah berpuas hati bahawa ia mempunyai sebab atau alasan yang sah kerana menyebabkan kecederaan itu atau bahawa ia telah mengambil semua tindakan berjaga-jaga yang munasabah untuk menentukan supaya tiada orang akan cedera oleh tembakan itu, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

38. Peruntukan-peruntukan tentang memendekkan senjata dan mengubah bentuk senjata tiruan.

(1) Seseorang, selain daripada seorang peniaga senjata yang berlesen yang mempunyai kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana peniaga itu menjalankan perniagaan, boleh memendekkan laras mana-mana senjata.

(2) Seseorang tiada boleh mengubahkan apa-apa benda menjadi suatu senjata yang sebelum pengubahan itu, benda itu memang dibentuk supaya tidak boleh melepaskan tembakan apa-apa bedilan melalui larasnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) hendaklah bagi tiap-tiap kesalahan, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi empat belas tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

(4) Mana-mana orang yang ada dalam miliknya suatu senjata yang telah dipendekkan tanpa kebenaran bertulis yang dirujukan dalam subseksyen (1), atau suatu senjata yang telah diubah, sebagaimana yang tersebut di atas, bolehlah dikenakan penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen (3).

39. Senjata tiada boleh dilepaskan tembak kecuali di padang tembak, dsb.

Seseorang tiada boleh melepaskan tembak suatu senjata—

- (a) kecuali di suatu tempat yang dibenarkan secara bertulis untuk digunakan sebagai padang tembak oleh Ketua Pegawai Polis bagi Negeri di mana tempat itu terletak;
- (b) kecuali untuk perlindungan nyawa atau harta;
- (c) melainkan ia diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan perlindungan kehidupan liar untuk menembak, membunuh atau memburu binatang-binatang atau burung-burung liar dan bertugas di bawah pemberian kuasa itu; atau
- (d) melainkan ia seorang anggota pasukan bersenjata, atau seorang pegawai polis atau lain-lain orang yang bertugas dalam melaksanakan tugas-tugas polis mengikut mana-mana undang-undang bertulis, dan menjalankan urusan tugasnya.

40. Menjumpai senjata dan amunisi.

Mana-mana orang yang menjumpai apa-apa senjata atau amunisi hendaklah dengan segera melaporkan hal tersebut kepada polis.

41. Subahat dan mencuba.

Sesiapa yang bersubahat melakukan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau mencuba untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut dan dalam percubaan itu membuat apa-apa perbuatan terhadap melakukan kesalahan, hendaklah dikenakan hukuman penalti yang sama seolah-olah ia telah melakukan kesalahan itu.

42. Kesalahan-kesalahan oleh badan-badan orang, pekerja-pekerja dan ejen-ejen.

(1) Apabila suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh

sebuah syarikat, firma, pertubuhan atau lain-lain badan orang-orang, mana-mana orang semasa melakukan kesalahan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai yang sama atau seorang bekongsi syarikat, firma, pertubuhan atau lain-lain badan orang-orang atau bermaksud bertugas dalam kedudukan itu, hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu melainkan ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa izin atau persetujuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala ketekunan untuk mencegah berlakunya kesalahan sebagaimana yang patut dijalankan, mengambil kira tentang jenis fungsi-fungsinya dalam kedudukan itu dan kepada semua hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang akan dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman, penalti atau rampasan untuk apa-apa tindakan, ketinggalan, kecuaian, keingkaran, ia akan dikenakan hukuman, penalti atau rampasan yang sama bagi tiap-tiap tindakan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran mana-mana kerani, pekerja atau ejen, atau kerani atau pekerja ejen, dengan syarat bahawa tindakan, ketinggalan, kecuaian, atau keingkaran telah dilakukan oleh kerani atau pekerja dalam urusan kerjanya, atau oleh ejen apabila bertugas bagi pihak orang itu, atau oleh kerani atau pekerja ejen apabila menjalankan urusan tugasnya dalam hal keadaan bahawa sekiranya tindakan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh ejen, maka pengetuanya boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen ini.

43. Penalti am.

Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dan untuknya tiada penalti khas diperuntukkan, hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

44. Hadiah kepada pemberi maklumat.

Dalam kes suatu sabitan melibatkan denda di bawah mana-mana seksyen dari Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, maka adalah sah bagi mahkamah mengenakan hukuman denda untuk mengarahkan, atas permohonan pendakwaan, bahawa mana-mana bahagian denda, tidak melebihi satu setengah—

- (a) akan dibayar kepada mana-mana orang yang telah memberi maklumat tertentu kepada polis yang telah menyebabkan sabitan pesalah atau pesalah-pesalah; atau
- (b) hendaklah dibahagikan, dalam kadar-kadar tertentu sebagaimana mahkamah boleh arah, di antara mana-mana orang yang telah memberi maklumat tersebut.

45. Anggapan.

(1) Tiap-tiap orang yang dibuktikan berada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa sahaja yang mengandungi apa-apa senjata, amunisi atau senjata tiruan, sehingga sebaliknya dibuktikan, hendaklah disifatkan memiliki senjata, amunisi atau senjata tiruan.

(2) Tiap-tiap penduduk mana-mana rumah atau premis yang mana di dalamnya senjata, amunisi atau senjata tiruan dijumpai, hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan, sehingga sebaliknya dibuktikan, memiliki senjata, amunisi atau senjata tiruan itu.

46. Bidangkuasa Mahkamah.

Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen yang diberi bidangkuasa khas di bawah seksyen 63(3) Akta Mahkamah Rendah, 1948 di Malaysia Barat, atau seorang Majistret yang diisytiharkan sebagai seorang Majistret Stipendiary di bawah seksyen 8c Kanun Prosedur Jenayah dalam Negeri Sabah atau Sarawak, hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti penuh atau hukuman, selain daripada hukuman mati, yang diperuntukkan oleh Akta ini.

BAHAGIAN IV
MEMERIKSA, MERAMPAS DAN MENANGKAP

47. Memeriksa senjata atau amuni di bawah waran.

(1) Seorang Majistret, seorang pegawai polis atau Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, apabila berpuas hati atas maklumat bertulis dan selepas sesuatu penyiasatan yang difikirkannya perlu bahawa—

- (a) mana-mana orang yang tinggal dalam had-had kawasan bidangkuasa—
 - (i) ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan apa-apa senjata atau amunisi sebagai melanggar Akta ini atau mana-mana lesen atau permit mengenainya; atau
 - (ii) ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan apa-apa senjata atau amunisi yang mana ia tiada boleh memilikinya tanpa bahaya kepada keamanan awam; atau
- (b) apa-apa senjata atau amunisi di dalam atau di atas mana-mana rumah, premis atau lain-lain bangunan atau tempat atau mana-mana perahu, kapal terbang atau kenderaan, sebagai melanggar Akta ini atau apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawahnya,

boleh dengan waran memberi kuasa kepada mana-mana orang yang namanya tersebut di dalamnya atau mana-mana pegawai polis dengan bantuan tertentu dan dengan kekerasan tertentu sebagaimana yang diperlukan di waktu malam atau siang—

- (A) memasuki atau menaiki dan memeriksa mana-mana rumah, premis atau lain-lain bangunan atau tempat, atau mana-mana perahu, kapal terbang atau kenderaan, yang ditentukan dalam waran dan memeriksa semua orang yang didapati di dalam atau di atasnya;
- (B) merampas dan menahan apa-apa senjata atau amunisi yang dijumpai berikut dengan pemeriksaan itu; dan

(C) menangkap mana-mana orang yang dijumpai di dalam atau di atas rumah, premis atau lain-lain bangunan atau tempat, atau di atas perahu, kapal terbang atau kenderaan, yang mana pegawai ada mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk mensyaki tentang berlakunya atau sedang berlakunya atau telah berlakunya apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Sesiapa, setelah pemeriksaan dibuat di bawah seksyen ini, ada dalam miliknya, jagaan atau kawalan apa-apa senjata atau amunisi atau mengetahui di mana apa-apa senjata atau amunisi disorokkan, enggan menyerahkan atau menunjukkan tempat kepada orang yang membuat pemeriksaan, atau sengaja menyorokkan senjata atau amunisi itu, hendaklah, jika disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

(3) Seorang perempuan tidak boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali diperiksa oleh seorang perempuan.

48. Waran memeriksa terhadap orang-orang.

(1) Seorang Majistret, seorang pegawai kanan polis atau Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, apabila berpuas hati atas maklumat yang diterima dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada alasan baik untuk mempercayai bahawa apa-apa senjata atau amunisi mungkin boleh dijumpai pada mana-mana orang sebagai melanggar Akta ini atau apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawahnya, boleh dengan waran di bawah tandatangannya, memerintahkan mana-mana pegawai polis untuk menangkap dan memeriksa orang itu, atau boleh dengan waran di bawah tandatangannya memerintahkan mana-mana orang yang namanya ada tersebut dalam waran, untuk menangkap orang itu dan membawanya dengan segera di hadapan mana-mana Majistret atau pegawai kanan polis atau Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, yang akan menyuruh supaya orang itu diperiksa di hadapannya, dan jika apa-apa senjata atau amunisi dijumpai pada orang

itu, maka orang itu akan dibawa di hadapan seorang Majistret dan tindakan seterusnya akan diambil mengikut undang-undang.

(2) Seorang perempuan tidak boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali diperiksa oleh seorang perempuan.

49. Memasuki dan memeriksa oleh Majistret, dll.

(1) Apabila seorang Majistret, seorang pegawai kanan polis atau seorang Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis berkompeten untuk mengeluarkan suatu waran di bawah seksyen 47 atau 48, ia sendiri boleh menjalankan semua kuasa yang boleh diberi kepada seorang pegawai polis di bawah seksyen ini; dan ia juga boleh menjalankan semua kuasa tertentu dalam mana satu daripada kes-kes yang berikut:

- (a) mengenai mana-mana orang yang telah disabitkan di atas mana-mana kesalahan, dalam tempoh enam bulan dahulu, terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) jika ia sendiri tahu tentang fakta-fakta tertentu dan hal-hal keadaan yang memuaskan hatinya bahawa ada alasan-alasan yang cukup untuk memeriksa di bawah seksyen-seksyen tersebut masing-masing; atau
- (c) jika ia menerima maklumat yang diperlukan secara lisan, dan sama ada atas sumpah atau tidak atas sumpah, di bawah hal keadaan tertentu bahawa objek untuk memeriksa, pada pendapatnya, akan menemui kegagalan oleh kelewatan yang perlu untuk diubah maklumat itu secara bertulis; dengan syarat bahawa hal itu nama dan alamat orang yang memberi maklumat itu diketahui atau dipastikan oleh Majistret atau pegawai kanan polis atau Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, sebelum ia bertindak di atas maklumat itu.

(2) Sesiapa dalam memberi maklumat secara lisan, membuat suatu kenyataan yang ia tahu atau percaya palsu atau tidak percaya tentang kebenarannya hendak, jika disabitkan, diken-

kan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan, atau dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

50. Memasuki tempat di mana senjata atau amunisi digunakan.

Mana-mana pegawai polis boleh memasuki dan berada di atas mana-mana tanah atau premis selain daripada sebuah rumah kediaman pada dan untuk masa tertentu sebagaimana yang diperlukan dengan munasabah untuk membolehkannya mempastikan sama ada seorang yang membawa atau menggunakan apa-apa senjata atau amunisi di atas tanah atau premis mempunyai suatu lesen atau permit untuk senjata atau amunisi itu.

51. Memeriksa keretapi, perahu, kapal terbang dan kenderaan.

(1) Jika—

(a) mana-mana keretapi, perahu atau kapal terbang di mana-mana pelabuhan atau tempat dalam Malaysia disyaki ada membawa apa-apa rencana yang pengimportan atau pengeksportan rencana itu dilarang sama sekali oleh suatu pemberitahuan di bawah seksyen 21 dan tidak dikecualikan oleh Akta ini atau oleh mana-mana permit khas di bawahnya, atau mana-mana rencana tersebut disyaki berada di dalam atau di atas mana-mana kenderaan di mana-mana tempat tersebut; atau

(b) mana-mana keretapi, perahu atau kapal terbang yang akan meninggalkan mana-mana pelabuhan dalam Malaysia untuk berangkat ke mana-mana negeri, wilayah atau tempat tertentu, disyaki membawa apa-apa rencana yang mana pengeksportan rencana itu ke negeri, wilayah atau tempat itu dilarang sama sekali dan tidak dikecualikan sebagaimana tersebut di atas, atau mana-mana rencana tersebut disyaki berada di dalam atau di atas mana-mana kenderaan yang akan meninggalkan mana-mana tempat tersebut,

Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana pelabuhan atau tempat tersebut terletak, boleh mengeluarkan suatu waran untuk memeriksa diarahkan kepada mana-mana pegawai atau pegawai-pegawai yang akan memasuki atau menaiki atau mana-mana pegawai polis yang tidak kurang pangkat dari Sarjan yang dinamakan atau dirujukkan dalam mana-mana waran tersebut.

(2) Dalam menguatkuaskan waran tersebut mana-mana orang yang kepadanya waran itu diarahkan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) menahan dan menaiki mana-mana keretapi, perahu atau kapal terbang yang dinamakan atau diperihalkan di dalam waran tersebut;
- (b) dengan kekerasan memasuki tiap-tiap bahagian keretapi, perahu atau kapal terbang tersebut; dan
- (c) menangkap mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah kerana melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(3) Jika selepas apa-apa pemeriksaan dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) apa-apa rencana yang pengimportan atau pengeksportan rencana itu dilarang sama sekali oleh mana-mana pemberitahuan di bawah seksyen 21 dan yang tidak dikecualikan oleh Akta ini atau oleh mana-mana permit khas di bawahnya, dijumpai di atas mana-mana keretapi, perahu atau kapal terbang atau di dalam atau di atas mana-mana kenderaan; atau
- (b) apa-apa rencana yang pengeksportan rencana itu ke mana-mana negeri, wilayah atau tempat dilarang sama sekali dan tidak dikecualikan sebagaimana tersebut dahulu, dijumpai di atas mana-mana keretapi, perahu atau kapal terbang atau di dalam atau di atas mana-mana kenderaan yang akan meninggalkan mana-mana pelabuhan atau tempat menuju ke negeri, wilayah atau tempat itu,

adalah dianggapkan, melainkan dan sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa rencana itu telah dicuba untuk diimport atau dieksport, mengikut mana yang berkenaan, berlawanan dengan peruntukan Akta ini, dan keretapi, perahuan, kapal terbang atau kenderaan boleh ditahan bagi maksud untuk mengeluarkan mana-mana rencana tersebut, dan rencana itu boleh dikeluarkan daripadanya.

52. Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa untuk senjata, dll, di jalan.

(1) Adalah sah bagi mana-mana pegawai polis untuk memberhentikan dan memeriksa untuk senjata, amunisi atau senjata tiruan, mana-mana orang yang ia akan jumpai di mana-mana jalan atau lain-lain tempat awam pada mana-mana waktu siang atau malam, kelakuannya menimbulkan syak atau yang mana ia mungkin syak orang itu mempunyai senjata, amunisi atau senjata tiruan dalam miliknya.

(2) Seorang perempuan tidak boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh seorang perempuan.

53. Rampasan dan lucut hak.

(1) Semua senjata dan amunisi mengenainya ada apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau apa-apa sekatan atau syarat tertakluk kepada dan dengannya mana-mana lesen atau permit telah diberi, hendaklah dirampas oleh mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam yang tertentu dan, bersama dengan bekas yang mengandungi senjata atau amunisi, bolehlah dilucut hak dengan perintah seorang Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen atau seorang Majistret:

Dengan syarat bahawa seseorang Yang Dipertua atau seorang Majistret boleh memerintah senjata atau amunisi atau bekasnya dilepaskan dan diserahkan kepada orang tertentu sebagaimana yang dinamakan dalam perintah, sama ada atau tidak mana-mana orang itu telah disabitkan kesalahannya.

(2) Semua senjata dan amunisi yang mungkin dijumpai tanpa tuan punya yang nyata, hendaklah dirampas oleh mana-mana pegawai polis dan jika, selepas notis tertentu sebagaimana seorang Majistret boleh arahkan, tuan punya senjata atau amunisi itu tidak muncul, maka senjata dan amunisi itu boleh dengan perintah seorang Majistret dilucutkan haknya.

54. Orang-orang yang mengangkut senjata atau amunisi boleh ditangkap tanpa waran.

(1) Jika mana-mana orang didapati membawa atau mengangkat apa-apa senjata atau amunisi dengan suatu cara tertentu atau di bawah hal keadaan tertentu yang memberikan alasan-alasan munasabah untuk mensyaki bahawa senjata atau amunisi itu mungkin digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang membahayakan keamanan awam, mana-mana orang boleh, tanpa waran, menangkap orang yang dijumpai itu dan menahannya dalam jagaan.

(2) Jika mana-mana orang ditangkap oleh seorang yang bukan seorang pegawai polis, orang itu hendaklah dengan segera dibawa ke balai polis yang hampir sekali atau lain-lain balai polis atau menyerahkan orang itu kepada seorang pegawai polis.

55. Tangkapan oleh polis tanpa waran.

Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang didapati melakukan atau cuba melakukan atau menggaji, membantu mana-mana orang untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 3, 7(2), 9(1), 12, 15(1), 19(1), 22(1), 24, 25(2), 32(1)(a), 34, 36(1), 37, 38(4), 39, 40 atau 47(2).

56. Orang-orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke balai polis.

Tiap-tiap orang yang ditangkap menurut mana-mana kuasa yang diberi oleh Akta ini hendaklah, bersama dengan mana-mana rencana mengenainya mana-mana kesalahan mungkin telah dilakukan atau telah dicuba untuk dilakukan, dibawa

ke suatu balai polis dan diserahkan, seberapa segera yang boleh di hadapan Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret untuk diambil tindakan mengikut undang-undang.

BAHAGIAN V

AM

57. Kuasa Ketua Pegawai Polis untuk mewakilkan kuasa.

Seorang Ketua Pegawai Polis, dengan pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan—

- (a) kepada mana-mana pegawai kanan polis atau seorang Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, sama ada dengan nama atau jawatan, untuk menjalankan semua tugas yang diserah hak atau diberi atau dikenakan kepada Ketua Pegawai Polis tersebut oleh Akta ini, atau mana-mana daripada kuasa-kuasa atau tugas-tugas tersebut sebagaimana yang akan ditentukan dalam pemberitahuan itu;
- (b) kepada mana-mana pegawai atasan polis, sama ada dengan nama atau jawatan, untuk menjalankan semua kuasa atau melaksanakan semua tugas yang diserah hak atau diberi atau dikenakan kepada Ketua Pegawai Polis tersebut dan berkaitan dengan pengeluaran dan pembaharuan mana-mana lesen atau permit senjata di bawah Akta ini.

58. Bayaran-bayaran.

Bayaran-bayaran yang ditentukan dalam Jadual Kedua hendaklah, sehingga dibatalkan atau dipinda di bawah seksyen 59, dikenakan mengenai berbagai perkara dan benda yang dihitungkan dalam Jadual tersebut:

Dengan syarat bahawa seorang Ketua Pegawai Polis atau, dalam kes lesen-lesen yang telah dikeluarkan oleh Menteri, Menteri, boleh mengecualikan mana-mana orang dari pembayaran apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah Akta ini.

59. Peraturan-peraturan.

Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat peraturan-peraturan bagi mana-mana daripada maksud-maksud yang berikut:

- (a) membatalkan, meminda atau menambah kepada mana-mana daripada bayaran-bayaran atau borang-borang yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini;
- (b) mengaturkan pengimportan, pengeksportan, mendarat, memindah dengan kapal, pengangkutan, pembawaan, mengilang, jualan, dan pembelian senjata, amunisi dan senjata tiruan;
- (c) menyediakan kemudahan untuk menandakan senjata dan amunisi dan untuk memilikinya suatu lesen dikeluarkan;
- (d) mengaturkan cara bagaimana permohonan untuk lesen-lesen atau permit-permit hendak dibuat dan menyediakan kemudahan untuk mengambil dan merekodkan gambar-gambar dan cap-cap jari pemohon-pemohon lesen-lesen atau permit-permit;
- (e) mengaturkan syarat-syarat dan sekatan-sekatan di atas dan tertakluk kepadanya lesen-lesen dan permit-permit akan diberi, pemberian lesen-lesen dan permit-permit amnya diberi, pemberian lesen-lesen dan permit-permit amnya (termasuk membuat deposit atau memberi jaminan sebagai suatu syarat sebelum pemberiannya), alasan-alasan di atasnya lesen-lesen dan permit-permit itu boleh digantung atau dibatalkan, dan bayaran-bayaran yang dikenakan untuknya;
- (f) menyediakan kemudahan untuk memberi maklumat mengenai senjata dan amunisi oleh orang-orang yang memilikinya;
- (g) untuk mengarahkan oleh siapa dan dengan apa cara bayaran-bayaran yang dikenakan di bawah Akta ini akan dipungut dan dimasukkira;

- (h) untuk mengaturkan pembuangan, pemusnahan atau jualan rencana-rencana yang telah dilucut hak di bawah Akta ini, atau ditahan dibawah seksyen 26 atau 47, atau didepositkan di bawah seksyen 27(2) dan (3); dan
- (i) biasanya untuk memberi kesan kepada Akta ini,

dan boleh menyekat operasi mana-mana peraturan tersebut kepada Negeri-negeri, daerah-daerah atau kawasan-kawasan tertentu.

60. Kuasa Menteri untuk mengecualikan.

Menteri boleh dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan dalam *Warta* dan sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat tertentu sebagaimana yang difikirkannya patut, mengecualikan apa-apa senjata atau amunisi, atau kelas-kelas senjata dan amunisi, atau orang-orang, atau kelas atau perihal orang-orang, dalam Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia, dari operasi semua atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta ini, dan boleh dengan cara yang sama mengubah atau membatalkan apa-apa pengecualian yang telah diberitahu demikian.

61. Pemansuhan dan kecualian.

(1) Enakmen-enakmen dan Ordinan-ordinan yang dibentangkan dalam ruangan-ruangan pertama dan kedua dari Jadual Ketiga adalah dengan ini dimansuhkan setakat mana yang dinyatakan dalam ruangan ketiga dari Jadual tersebut.

(2) Walaupun Enakmen-enakmen dan Ordinan-ordinan tersebut dimansuhkan, mana-mana kaedah atau peraturan yang dibuat di bawah Enakmen Senjata, Negeri-negeri Melayu Bersatu, dan berkuatkuasa sebelum sahaja 1 haribulan Mac, 1962 hendaklah, setakat mana yang tidak berlawanan dengan Akta ini, hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan yang sama Akta ini, dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dimansuhkan, dipinda atau digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan hendaklah berkuatkuasa di seluruh Malaysia.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 32(2))

**PENALTI BAGI PENGGUNAAN DAN MILIKAN SENJATA DAN
SENJATA TIRUAN DALAM KES-KES TERTENTU**

- (a) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen Kanun Keseksaan yang berikut:

143, 144, 145, 147, 148, 151, 152, 153, 157, 158, 224, 225, 323,
324, 325, 326, 327, 329, 330, 332, 333, 352, 353, 356, 357, 363,
364, 365, 366, 367, 376, 379, 380, 381, 382, 384, 385, 386, 387,
388, 389, 392, 393, 394, 395, 396, 397, 399, 400, 401, 402, 403A,
431, 431A, 435, 436, 438, 440, 448, 449, 450, 451, 452, 453, 454,
456, 457, 458, 459, 460, 506, 511.

- (b) Kesalahan-kesalahan di bawah:

- (i) perenggan-perenggan (i), (j), (k) dan (l) seksyen 28, Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil, 1955;
- (ii) perenggan-perenggan (g), (h), (i) dan (j) seksyen 35, Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil; Sarawak; dan
- (iii) perenggan-perenggan (a), (c) dan (e) seksyen 18, dan perenggan-perenggan (h), (i), (j) dan (k) seksyen 21, Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil Sabah.

JADUAL KEDUA
(Seksyen 58)

BAYARAN

- 1 Lesen untuk memiliki, dll. senjata dan amunisi:

- (a) Bagi tiap-tiap senapang angin, pistol angin dan “spear-gun” RM 20.00
- (b) Bagi tiap-tiap senapang patah yang licin lubang larasnya—
- (i) untuk melindungi penanaman atas tanah sendiri RM
- (ii) untuk melindungi penanaman dan/atau untuk memburu binatang RM

	(iii) untuk melindungi penanaman dan/atau untuk memburu binatang di Sabah dan Sarawak sahaja	RM
	(iv) untuk maksud-maksud perdagangan, iaitu untuk keselamatan, perlindungan diri atau harta, dsb.	RM 50.00
	(v) untuk sukan (untuk menembak sasaran di padang tembak yang dibenarkan)	RM 50.00
(bb)	Bagi tiap-tiap senapang patah yang licin lubang larasnya yang telah diberi lesen kepada pegawai-pegawai awam yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan	RM
(c)	Bagi tiap-tiap revolver/pistol—	
	(i) diberi lesen kepada pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara dan ahli-ahli angkatan tentera ...	Percuma
	(ii) diberi lesen kepada mana-mana pegawai awam yang sedang berkhidmat atau yang telah bersara (selain dari pegawai-pegawai polis dan ahli-ahli angkatan tentera) dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan	RM 25.00
	(iii) diberi lesen kepada mana-mana orang lain ...	RM 100.00
(d)	Bagi tiap-tiap “carbine, rifle” dari apa-apa kaliber dan mana-mana jenis senjata lain—	[PU(A) 19/92]
	(i) diberi lesen kepada pegawai awam yang sedang berkhidmat atau yang telah bersara, dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan	RM 25.00
	(ii) diberi lesen kepada mana-mana orang lain ...	RM 100.00
(e)	Bagi tiap-tiap “rifle” dari apa-apa kaliber, senapang patah yang licin lubang larasnya, revolver atau pistol yang diberi lesen kepada mana-mana kelab menembak dan digunakan semata-mata untuk menembak sasaran di padang tembak yang dibenarkan	RM 10.00

(f) Bagi tiap-tiap senjata kepunyaan suatu syarikat pertunjukan atau sarkas, di mana senjata dan amunisi digunakan dengan ikhlas dalam pertunjukan yang diberi oleh Syarikat tersebut	RM 20.00
(g) Bagi tiap-tiap "starting gun"	RM 2.00
(h) Bagi tiap-tiap "industrial gun"	RM 50.00
 2. Permit untuk membawa dan menggunakan senjata dan amunisi:	
(a) Bagi tiap-tiap senapang angin, pistol angin dan "spear-gun"	RM 20.00
(b) Bagi tiap-tiap senapang patah yang licin lubang larasnya—	
(i) untuk melindungi penanaman atas tanah sendiri	RM
(ii) untuk melindungi penanaman dan/atau untuk memburu binatang	RM 10.00
(iii) untuk melindungi penanaman dan/atau untuk memburu binatang di Sabah dan Sarawak sahaja	RM
(iv) untuk maksud-maksud perdagangan, iaitu untuk keselamatan, perlindungan diri atau harta, dsb.	RM 50.00
(v) untuk sukan (untuk menembak sasaran di padang tembak yang dibenarkan)	RM
(bb) Bagi tiap-tiap senapang patah yang licin lubang larasnya yang telah diberi lesen kepada pegawai-pegawai awam yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara, dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan	RM
(c) Bagi tiap-tiap revolver/pistol—	
(i) diberi lesen kepada pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara dan ahli-ahli angkatan tentera ...	Percuma
(ii) diberi lesen kepada mana-mana pegawai awam yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara (selain dari pegawai-pegawai polis dan ahli-ahli angkatan tentera) dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan	RM 25.00
(iii) diberi lesen kepada mana-mana orang lain ...	RM 100.00

(d)	Bagi tiap-tiap "carbine, rifle" dari apa-apa kaliber dan mana-mana jenis senjata lain—	[PU(A) 1992]
	(i) diberi lesen kepada pegawai awam yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara, dan kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dengan mana-mana badan berkanun atau kerajaan tempatan ...	RM 25.00
	(ii) diberi lesen kepada mana-mana orang lain ...	RM 100.00
(e)	(i) bagi mana-mana atau semua "rifle" dari apa-apa kaliber yang diberi lesen kepada kelab menembak yang ditentukan dan digunakan semata-mata untuk menembak sasaran di padang tembak yang dibenarkan dengan syarat pemegang permit boleh membawa dan menggunakan hanya sepucuk "rifle" pada sesuatu masa	RM
	(ii) bagi mana-mana atau semua senapang patah yang licin lubang larasnya yang diberi lesen kepada kelab menembak yang ditentukan dan digunakan semata-mata untuk menembak sasaran dengan syarat pemegang permit boleh membawa dan menggunakan hanya sepucuk senapang patah yang licin lubang larasnya pada sesuatu masa	RM 10.00
	(iii) bagi mana-mana atau semua revolver dan pistol yang diberi lesen kepada kelab menembak yang ditentukan dan digunakan semata-mata untuk menembak sasaran di padang tembak yang dibenarkan dengan syarat pemegang permit boleh membawa dan menggunakan hanya sepucuk revolver atau pistol pada sesuatu masa	RM 10.00
(f)	Bagi tiap-tiap "starting gun"	RM 2.00
(g)	Bagi tiap-tiap "industrial gun"	RM 50.00
(h)	Bagi mana-mana atau semua senapang-senapang angin, pistol-pistol angin, senjata api, semua jenis senapang dan mana-mana lain jenis senjata (termasuk 'smooth bore shotguns') yang telah dilesenkan kepada agensi keselamatan dan digunakan hanya untuk keselamatan dan sebab-sebab perlindungan, asalkan pemegang permit boleh membawa dan menggunakan tidak lebih daripada sepuluh dari senjata-senjata tersebut pada bila-bila masa ...	RM 100.00

3. Lesen untuk membeli atau memperolehi atau menukar senjata	RM 10.00
4. Lesen untuk membeli atau memperolehi atau menukar amunisi	RM
5. Lesen untuk mengimport senjata dan amunisi ...	RM 10.00
6. Lesen untuk mengimport senjata tiruan	RM
7. Lesen untuk mengeksport senjata dan amunisi...	RM 10.00
8. Lesen untuk meniaga senjata dan amunisi setahun	RM 500.00
9. Lesen untuk menjaga senjata, setahun	RM 450.00
10. Lesen untuk meniaga amunisi, setahun	RM
11. Lesen untuk membaiki senjata dan amunisi, setahun	RM 100.00
12. Lesen untuk mengilang senjata.	Percuma
13. Lesen untuk mengilang amunisi	Percuma
14. Bayaran yang dikenakan untuk lesen atau permit baru di bawah seksyen 28, sebagai ganti kepada yang musnah, cacat, rosak atau hilang	RM 5.00
15. Bayaran untuk suatu lesen bersama untuk meniaga dan membaiki senjata dan amunisi di bawah seksyen 9(6) ...	RM 600.00
16. Bayaran yang dikenakan untuk suatu lesen sementara kepada seorang pengembara yang jujur bagi tiap-tiap senjata di bawah seksyen 15(4)	RM
17. Bayaran yang dikenakan untuk suatu lesen sementara kepada syarikat-syarikat pertunjukan dan sarkas bagi tiap-tiap senjata di bawah seksyen 15(5)	RM
18. Bayaran yang akan dikenakan untuk mana-mana lesen tahunan yang dikeluarkan di antara 1 haribulan Januari dan 30 haribulan Jun bagi tahun yang sama hendaklah separuh daripada bayaran tahunan.	

AKTA SENJATA 1960

(Akta 206)

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-Undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuatkuasa dari</i>
PU 186/1961	Peraturan-Peraturan Pelesenan Senjata 1961	1- 3-1962
PU 34/1962	Peraturan-Peraturan Pelesenan Senjata (Pindaan) 1962	- 3-1962
Akta 7/1962	Akta Senjata (Pindaan) 1962 ...	24- 2-1962
Akta 41/1967	Akta Polis 1967	29- 8-1967
Akta 62/1967	Akta Kastam 1967	2-11-1967
Akta 34/1968	Akta Senjata (Pindaan) 1968	16- 9-1968
Akta A266...	Akta Senjata (Pindaan) 1974	... 16- 8-1974
Akta A316...	Akta Senjata (Pindaan) 1975	... 5- 9-1975
Akta 160 ...	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29- 8-1975
PU (A) 97/1976	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Akta Jenayah) (Sabah dan Sarawak) 1976	10- 1-1976
PU (A) 111/1977	Peraturan-Peraturan Senjata (Bayaran) 1977	6- 5-1977
PU (A) 219/1977	Peraturan-Peraturan Senjata (Bayaran) (Pindaan) 1977	6-
PU (A) 260/1977	Perintah Senjata Dan Bahan Letupan (Perluasan) 1977	1-
Akta A434	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978	1- 7-1978
PU (A) 242/1978 ...	Peraturan-Peraturan Senjata (Bayaran) 1978	- 7-1978
PU (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980	1- 6-1981
PU (A) 93/1989	Peraturan-Peraturan Senjata (Pindaan Jadual Kedua) 1989	1-

<i>Undang-Undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuatkuasa dari</i>
PU (A) 19/1992	Peraturan-Peraturan Pelesenan Senjata (Pindaan Jadual Kedua) 1992	24-1-1992
PU (A) 45/2003	Perintah Penyemakan Undang-Undang (Pembetulan Akta Senjata 1960) 2003	7-2-2003